

**Khalid patut letak jawatan secara terhormat, kata exco dipecat
Malaysian Insider
Aug 13, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN**

Exco DAP Selangor yang dipecat Datuk Teng Chang Khim mendakwa Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim cuba merampas kerajaan negeri kerana enggan melepaskan jawatan sebagai menteri besar.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan itu berkata, Khalid sepatutnya mengundurkan diri daripada jawatan itu dan menyerahkan mandat yang diberikan rakyat Selangor pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu kepada Pakatan Rakyat (PR).

"Beliau (Khalid) sepatutnya meletakkan jawatan secara terhormat kerana tidak mendapat sokongan lagi daripada Adun PR," katanya pada sidang media di Lobi Utama Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) di Shah Alam, hari ini.

Sementara itu, ditanya mengenai pemecatan lima exco daripada PKR dan DAP semalam, Teng berkata isu pemecatan itu tidak sah daripada segi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor.

"Kami sudah terima surat pemecatan itu jam 9 pagi tadi tetapi berdasarkan perspektif undang-undang, Khalid perlu berjumpa dengan exco terlebih dulu sebelum berjumpa dengan Sultan bagi memaklumkan pemecatan lima exco itu," katanya.

Seorang lagi exco PKR Rodziah Ismail masih berada di luar negara pada ketika ini.

Katanya, Khalid tidak mematuhi Perkara 53 (2) (b) Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor dan dibaca bersama Seksyen 47 Akta Interpretasi 1948 dan 1967.

Beliau berkata, Khalid tidak pernah menghadap Sultan untuk memohon baginda menghentikan pelantikan Exco.

Katanya, Khalid perlu mengundurkan diri secara bermaruah sebelum rakyat hilang kepercayaan terhadap beliau.

"Sebagai bekas rakan seperjuangan kepada Khalid, kami dengan iklas merayu agar lepaskan jawatan segera supaya keadaan politik Selangor kembali tenang dan stabil seterusnya ekonomi Selangor berkembang.

"Jasa beliau sebagai menteri besar sepanjang bersama Pakatan Rakyat akan sentiasa dikenang," katanya. – 13 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khalid-patut-letak-jawatan-secara-terhormat-kata-exco-dipecat>